



**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**HLC PACU LONJAKAN PEMBANGUNAN DESA, PERKUKUH DAYA
TAHAN LUAR BANDAR**

Saya telah mempengerusikan **Mesyuarat *High-Level Committee (HLC) Pembangunan Desa Kali Ke-3*** bagi menetapkan **hala tuju jelas Kerajaan untuk mempercepat lonjakan pembangunan luar bandar** secara lebih tersusun, bersepadu dan berimpak tinggi, **selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)**.

Dalam mesyuarat ini, KKDW bersama rakan strategik telah merumuskan beberapa inisiatif utama merentas kementerian yang dijangka mempercepat transformasi desa ke arah ekosistem yang lebih moden, inklusif dan berdaya tahan. HLC turut menekankan keperluan merapatkan jurang pembangunan melalui peluasan akses pendidikan, pemeraksanaan pendigitalan serta pengukuhan tadbir urus secara bersepadu antara kementerian.

Antara keputusan penting mesyuarat:

- Selaras dengan komitmen meningkatkan keupayaan pendidikan luar bandar, HLC bersetuju untuk menekankan keperluan **mempertingkatkan infrastruktur sekolah luar bandar** melalui kerjasama strategik antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi pendidikan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi membantu pembaikan dan naik taraf kecil di sekolah pedalaman.
- Usaha memperkukuh ekosistem pembangunan insan luar bandar turut ditekankan, dengan HLC menyokong **penyelarasan semula fungsi pendidikan awal kanak-kanak di kawasan FELDA melalui penyerahan kepada KEMAS secara berfasa bermula Jun 2026**. Langkah ini bertujuan mengurangkan pertindihan fungsi serta menyeragamkan penyampaian pendidikan awal berasaskan kurikulum kebangsaan yang lebih berkualiti dan inklusif.

- Seiring dengan agenda pendigitalan negara, HLC bersetuju untuk **memperkemas ekosistem penyampaian digital luar bandar melalui kolaborasi yang lebih strategik antara Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dan Pusat Komuniti Desa (PKD) KKDW** bagi mengoptimumkan peranan serta penggunaan sumber sedia ada.

Bagi tahun 2026, pendekatan ***whole-of-government, whole-of-society*** dan ***data-driven governance*** akan terus diperkasakan bagi meningkatkan penyelarasan dan keberkesanan pelaksanaan, sekali gus mencerminkan komitmen KKDW dalam merapatkan jurang pembangunan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif dan mampan.

-Tamat-

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi High-Level Committee (HLC) Pembangunan Desa

27 April 2026